

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN NO. 297**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan penerima biasiswa pendidikan tinggi Kerajaan mengikut pecahan negeri dan lokasi (bandar/luar bandar), tahap pendapatan keluarga dan kaum.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini pelaksanaan program tajaan Biasiswa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah difokuskan kepada pegawai dalam perkhidmatan khususnya dalam melatih guru-guru, pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik serta pensyarah Universiti Awam (UA) dalam memenuhi keperluan perkhidmatan. Pemberian biasiswa adalah berdasarkan kepada merit dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, KPM turut menawarkan tajaan Biasiswa kepada orang awam dari peringkat Ijazah Pertama hingga Ijazah Kedoktoran melalui pelaksanaan program MyBrainSc. Namun tawaran Biasiswa ini hanyalah disasarkan kepada program khusus sains tulen sahaja (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik).

Berdasarkan rekod semasa KPM, data pecahan penerima biasiswa mengikut negeri bagi tahun mula dan tamat pengajian mulai 2016 hingga September 2019 adalah seperti jadual yang berikut:

**Jumlah Penerima Biasiswa Pendidikan Tinggi**

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
Johor	5,739
Kedah	4,171
Kelantan	5,779
Melaka	1,722
Negeri Sembilan	2,079
Pahang	3,206
Pulau Pinang	2,391
Perak	4,643
Perlis	592
Selangor	6,073
Terengganu	3,574
Sabah	2,264
Sarawak	2,384
WP Kuala Lumpur	5,730
WP Labuan	100
WP Putrajaya	2
Luar Negara	319
*Negeri Tidak Diketahui	174
<b>JUMLAH</b>	<b>50,942 Orang</b>